

Laporan Pemerdagangan Manusia 2011

MALAYSIA (Senarai Pemerhatian Tingkat 2)

Malaysia menjadi negara destinasi, dan sedikit sebanyak menjadi negara sumber dan negara transit bagi lelaki, wanita dan kanak-kanak yang terdedah kepada keadaan buruh paksa, sementara wanita dan kanak-kanak terdedah kepada perdagangan seks. Sebahagian besar mangsa pemerdagangan manusia terdiri di kalangan 2 juta pekerja asing sah dan 1.9 pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Mereka berhijrah secara sukarela ke Malaysia dari negara-negara termasuk Indonesia, Nepal, India, Thailand, China, Filipina, Burma, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, dan Vietnam untuk mencari peluang ekonomi yang lebih besar. Seseengah mereka kemudian bekerja secara paksa atau bekerja kerana terikat dengan hutang kepada majikan, agen pekerjaan, atau perekrut buruh tidak formal. Meskipun ramai pesalah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah ahli perniagaan, ia juga didalangi oleh sindiket jenayah terancang yang besar. Sejumlah besar wanita muda direkrut untuk bekerja di restoran dan hotel di Malaysia, yang mana seseengah mereka datang dengan menggunakan visa "Pegawai Perhubungan Pelanggan," tetapi kemudian dipaksa untuk bekerja dalam industri seks komersial di Malaysia. Banyak syarikat pengambilan buruh luar di Malaysia mengambil pekerja secara berlebihan dari Bangladesh, Vietnam dan negara-negara lain. Mereka ini selalunya ditahan di gudang-gudang atau lokasi-lokasi lain dan diserahkan kepada majikan yang tidak bertanggungjawab yang memaksa pekerja-pekerja ini menjadi buruh paksa. Ramai pekerja asing di ladang, tapak pembinaan, kilang tekstil, dan mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia menghadapi amalan-amalan berupa pemerdagangan manusia seperti sekatan ke atas pergerakan, penipuan dan fraud dalam pembayaran gaji, perampasan pasport, atau ikatan hutang oleh ejen atau majikan mereka. Perampasan pasport dilakukan secara meluas, dan terdapat laporan bahawa majikan juga membuka akaun bank bersama sebagai satu bentuk kawalan ke atas pekerja. Beberapa pekerja melaporkan bahawa majikan mereka mengawal mereka dengan mengancam untuk menyerahkan pasport bekerja kepada pihak berkuasa imigresen di mana majikan akan mendakwa bahawa pekerja itu telah melanggar syarat-syarat kontrak pekerjaan mereka, yang boleh mengakibatkan pembatalan visa dan seterusnya pengusiran. Seseengah majikan di Malaysia dilaporkan tidak membayar pembantu rumah asing mereka gaji selama tiga hingga enam bulan sebagai bayaran balik kepada agensi pengambilan pekerja dan ikatan hutang lain yang dikenakan ke atas majikan. Dalam seseengah kes, majikan secara tidak sah menahan gaji pekerja secara eskrow sehingga tamat kontrak. Ini menjadikan pekerja terus bekerja kerana takut tidak menerima pampasan kewangan jika mereka tidak memenuhi kontrak.

Pelarian, terutamanya dari Burma, adalah lebih terdedah kepada pemerdagangan, dan rakyat Malaysia daripada masyarakat luar bandar dan kumpulan peribumi juga turut terdedah. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) terus melakukan serbuan yang mensasarkan komuniti pendatang haram dan menahan pelarian, pemohon suaka, dan mangsa pemerdagangan manusia bersama-sama mereka yang didakwa

pendatang haram. Namun begitu amalan ini dilaporkan telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Walaupun tidak menandatangani Surat Hasrat (LOI) untuk meminda Memorandum Persefahaman (MOU), kerajaan Indonesia dan Malaysia belum meminda atau mengganti MOU tahun 2006 mengenai pekerjaan pembantu rumah Indonesia di Malaysia, yang membenarkan majikan Malaysia untuk merampas dan memegang pasport pembantu rumah. Kerajaan melaporkan bahawa terdapat kira-kira 300,000 wanita pembantu rumah yang bekerja di negara ini dan kebanyakan mereka mungkin menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Menurut pertubuhan-pertubuhan NGO, bilangan pembantu rumah yang bekerja secara sah di Malaysia telah menurun daripada 300,000 kepada 230,000 sepanjang tahun lalu. Pertubuhan-pertubuhan NGO ini menganggarkan bagi setiap pembantu rumah yang bekerja secara sah di Malaysia terdapat satu yang bekerja di negara ini secara haram. Sembilan puluh peratus daripada pembantu rumah adalah dari Indonesia. Sebilangan kecil rakyat Malaysia telah dilaporkan diperdagangkan di dalam dan luar negara ke Singapura, China dan Jepun dan mereka dieksploitasi sebagai pekerja seks komersial.

Kerajaan Malaysia tidak memenuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras pemerdagangan manusia. Meskipun begitu, ia telah melaksanakan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh ke arah itu. Berdasarkan penilaian bahawa kerajaan Malaysia telah melakukan usaha yang bersungguh-sungguh melalui komitmennya untuk bertindak pada tahun yang akan datang - terutamanya dengan pelaksanaan undang-undang anti-pemerdagangan manusia yang lebih berkesan dan usaha-usaha perlindungan mangsa yang bertambah baik - Malaysia diletakkan pada Tahap 2 Senarai Pemerhatian bagi dua tahun berturut-turut. Walaupun kerajaan meningkatkan bilangan sabitan di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Akta Anti-Penyeludupan Migran sepanjang tahun laporan dan meneruskan usaha kesedaran awam mengenai pemerdagangan manusia, ia tidak menyiasat dan mendakwa secara berkesan kes-kes pemerdagangan buruh, dan gagal untuk menangani masalah penglibatan kerajaan dalam pemerdagangan dan penjagaan mangsa dan kaunseling yang kurang berkesan oleh pihak berkuasa. Masih terdapat banyak kebimbangan yang serius mengenai pemerdagangan manusia di Malaysia, termasuk penahanan mangsa pemerdagangan di fasiliti kerajaan.

Cadangan untuk Malaysia: Meningkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang di bawah undang-undang anti-pemerdagangan, terutamanya kes pemerdagangan buruh; melaksanakan hukuman berat ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan pengambilan pekerja atau eksploitasi buruh paksa; meningkatkan usaha mendakwa dan menghukum penjawat awam yang mendapat keuntungan atau terlibat dalam pemerdagangan manusia, atau mereka yang mengeksploitasi mangsa pemerdagangan; membangun dan melaksanakan prosedur untuk mengenal pasti mangsa pemerdagangan buruh di kalangan kumpulan-kumpulan terdedah seperti pekerja asing dan merujuk mereka kepada perkhidmatan perlindungan yang sedia ada; meningkatkan perlindungan kepada mangsa dalam fasiliti kerajaan dengan menyediakan bantuan perundangan kepada mangsa, dan menyediakan kaunseling yang berkesan dan penjagaan kepada mangsa pemerdagangan; membangunkan dan melaksanakan mekanisme bagi membolehkan mangsa pemerdagangan asing yang dewasa untuk berjalan, bekerja dan tinggal di luar tempat perlindungan kerajaan; menyediakan alternatif undang-undang bagi pengusiran mangsa pemerdagangan ke negara-negara di mana mereka akan menghadapi hukuman atau kesusahan;

memastikan mangsa pemerdagangan manusia tidak diancam atau dihukum kerana jenayah yang dilakukan akibat diperdagangkan; melakukan usaha yang lebih untuk mendidik pekerja asing mengenai hak-hak mereka, bantuan perundangan yang ada, dan bagaimana untuk mendapatkan remedi terhadap pedagang manusia atau majikan yang gagal mematuhi obligasi undang-undang mereka; merunding semula MoU dengan negara-negara sumber untuk memasukkan perlindungan mangsa dan memansuhkan peruntukan yang membenarkan pasport atau dokumen perjalanan mereka dipegang majikan; meneruskan usaha melatih pegawai dan memperluaskan latihan itu untuk mengendalikan kes berkaitan pemerdagangan seks dan buruh secara berkesan, dengan penekanan khusus pada perlindungan mangsa dan mengenal pasti mangsa pemerdagangan; melakukan usaha untuk mengurangkan permintaan bagi kedua-dua pemerdagangan seks dan buruh; dan mengembangkan kempen kesedaran anti-pemerdagangan untuk merangkumi kedua-dua aspek pemerdagangan buruh dan seks.

Pendakwaan

Kerajaan Malaysia telah menunjukkan beberapa kemajuan dalam usaha penguatkuasaan undang-undang terhadap kegiatan pemerdagangan seks sepanjang tempoh laporan ini, tapi tidak membuat kemajuan yang ketara dalam mendakwa dan menghukum pesalah pemerdagangan buruh. Undang-undang Malaysia melarang sama sekali sebarang bentuk pemerdagangan manusia melalui Akta Anti-pemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 yang menetapkan hukuman setimpal dengan kesalahan berat lain seperti rogol. Pada November 2010, kerajaan menggubal pindaan baru pada akta ini yang memperluaskan definisi pemerdagangan manusia dengan memasukkan segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan. Namun, amalan dan apa yang digambarkan kepada orang awam tentang pindaan undang-undang pemerdagangan manusia ini terus mengelirukan antara pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Dalam tempoh laporan, kerajaan telah mensabitkan 11 pesalah pemerdagangan seks dan tiga individu yang terlibat dalam pemerdagangan buruh, dan menjatuhkan mereka hukuman penjara tiga hingga lapan tahun; berbanding kepada tujuh pesalah pemerdagangan yang disabitkan sepanjang tempoh laporan tahun sebelumnya. Dua daripada tiga individu yang disabitkan kesalahan perdagangan buruh adalah pemandu yang terlibat dalam membawa orang-orang pelarian Burma dari pusat tahanan imigresen kerajaan ke sempadan Thailand di mana mereka diserahkan kepada sindiket pemerdagangan. Walaupun rangkaian yang terlibat dalam pemerdagangan orang Burma ke Thailand dipercayai besar, kerajaan masih belum memuktamadkan pendakwaan seorang individu yang ditahan pada bulan Julai 2009 - seorang pegawai imigresen Malaysia - kerana mendagangkan pelarian Burma ke Thailand, yang disebut dalam laporan tahun sebelumnya sebagai kes yang belum selesai. Kes ini masih belum selesai. Laporan pihak berkuasa memulakan 174 pertuduhan terhadap 51 individu di bawah undang-undang anti-pemerdagangan, walaupun sebilangan kecil kes-kes ini adalah untuk jenayah yang tidak berkaitan pemerdagangan manusia seperti mengambil bayi angkat secara tidak sah. Kerajaan melaporkan bahawa 141 kes pemerdagangan masih belum selesai di mahkamah Malaysia. Layanan tidak memuaskan kerajaan terhadap mangsa pemerdagangan yang dikenal pasti dan kekurangan perlindungan mangsa atau insentif bagi bantuan mangsa dalam siasatan dan pendakwaan menjadi halangan ketara kepada

pendakwaan yang berjaya. Kadar pembebasan pesalah-pesalah pemerdagangan yang didakwa adalah 68 peratus pada tahun laporan. Kadar ini disifatkan oleh pemerhati berlaku kerana kekurangan perlindungan mangsa-saksi yang mencukupi dan latihan penghakiman mengenai pemerdagangan manusia yang tidak memuaskan. Pada tahun laporan, pertubuhan-pertubuhan NGO telah merujuk beberapa dakwaan kes pemerdagangan buruh kepada kerajaan, tetapi pihak berkuasa tidak melaporkan sebarang tangkapan atau siasatan. Pertubuhan-pertubuhan NGO melaporkan bahawa polis sering gagal atau enggan menyiasat aduan perampasan pasport dan dokumen perjalanan atau penahanan gaji - terutamanya berkaitan dengan pembantu rumah - sebagai kemungkinan kesalahan pemerdagangan. Kerajaan tidak melaporkan sebarang pendakwaan jenayah ke atas majikan yang memaksa pekerja bekerja dalam keadaan buruh paksa atau perekrut buruh yang menggunakan tipu muslihat dan ikatan tebus hutang untuk memaksa pekerja asing berkhidmat tanpa kerelaan. Pada bulan Januari 2010, kes buruh paksa telah dikenal pasti berlaku di atas bot nelayan Thailand di perairan Sarawak. Kerajaan telah menahan lima pesalah pemerdagangan Thai dan membawa kepada pembebasan seorang pesalah pemerdagangan yang didakwa. Kerajaan telah memfailkan rayuan dalam kes ini.

Pemerhati melaporkan rasuah terus memainkan peranan dalam pemerdagangan pekerja migran asing, khususnya berkaitan dengan pegawai-pegawai yang memberi kebenaran syarikat-syarikat pengambilan pekerja luar Malaysia untuk mengambil pekerja luar negara secara berlebihan. Laporan juga menunjukkan pakatan sulit antara polis dan pesalah pemerdagangan manusia yang kadang-kadang membawa kepada pesalah melarikan diri daripada ditangkap dan terlepas daripada dihukum. Namun demikian, tidak ada pegawai yang dihukum kerana bersubahat dalam kegiatan berkaitan pemerdagangan sepanjang tempoh laporan. Pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap sukarelawan RELA yang menggunakan ancaman tahanan imigresen untuk memeras wang daripada pekerja asing walaupun amalan ini dilaporkan berterusan tetapi berkurangan.

Perlindungan

Kerajaan hanya membuat kemajuan yang terhad dalam melindungi mangsa pemerdagangan manusia sepanjang tempoh laporan ini, dan usaha-usaha perlindungan mangsa masih tidak memadai. Mangsa yang dikenal pasti oleh pihak berkuasa Malaysia telah dihukum di bawah “perintah perlindungan” yang membawa kepada penahanan secara paksa mereka di “tempat-tempat perlindungan,” di mana sesetengah mereka diasingkan, tidak bekerja atau mendapat pendapatan, dan kurang atau tiada akses kepada bantuan perundangan atau psikologi yang disediakan oleh kerajaan atau NGO. Kerajaan melaporkan bahawa ia memberikan kursus-kursus dalam bidang seni, aerobik, dan kemahiran bahasa Inggeris kepada sesetengah mangsa. Walau bagaimanapun, “tempat-tempat perlindungan” kerajaan masih menafikan mangsa kebebasan asas, dan fasiliti-fasiliti ini tidak mempunyai pegawai perubatan atau pakar psikologi terlatih. Kerajaan dilaporkan membayar dua kaunselor yang melawat “tempat-tempat perlindungan” pada setiap minggu tetapi tahap kepakaran dan latihan mereka adalah tidak jelas. Kerajaan menjemput IOM untuk melakukan penilaian penjagaan mangsa yang di “tempat-tempat

perlindungan” dan ini berlaku pada tahun laporan. Kerajaan melayan mangsa pemerdagangan sebagai pendatang asing haram dan menyerahkan mereka kepada pihak berkuasa imigresen untuk diusir selepas mereka memberi keterangan kepada pihak pendakwa, biasanya selepas 90 hari tinggal di “tempat perlindungan” pemerdagangan orang. Mangsa ada kalanya terkunci dalam bilik mereka, digari ketika dibawa masuk dan keluar untuk tampil di mahkamah, dan dilaporkan menghadapi raba periksa dan pemeriksaan badan sebelum memasuki fasiliti. Mangsa biasanya kurang arif mengenai proses perundangan yang dikenakan terhadap mereka, dan kerajaan tidak membuat usaha untuk memaklumkan kepada mangsa mengapa atau untuk berapa lama mereka ditahan. Seperti yang dilaporkan dalam laporan tahun sebelum ini, dasar kerajaan untuk menahan mangsa tanpa kerelaan mereka terus menjadi penghalang kepada mangsa dan penyokong mereka membawa kes kepada perhatian pihak kerajaan atau bekerjasama dengan pihak berkuasa; kerajaan tidak membuat sebarang usaha untuk menangani kelemahan serius ini dalam tindakan pencegahan pemerdagangannya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meneruskan pengendalian tiga “tempat-tempat perlindungan” bagi wanita dan kanak-kanak mangsa pemerdagangan yang menyerupai pusat tahanan. “Tempat-tempat perlindungan” ini menahan dan mengesahkan mangsa pemerdagangan rakyat asing selama 90 hari (tetapi selalunya lebih lama) sehingga mereka dihantar pulang ke negara asal mereka mengikut undang-undang Malaysia. Kementerian Dalam Negeri menguruskan “tempat perlindungan” yang sama bagi kaum lelaki yang menjadi mangsa pemerdagangan yang juga ditahan dan disahkan mangsa pemerdagangan manusia. Sepanjang tempoh laporan ini, terdapat sekurang-kurangnya satu mangsa dalam tahanan kerajaan yang cuba membunuh diri semasa berada di sebuah “tempat perlindungan” kerajaan. Kerajaan mengumumkan bahawa Kementerian Wanita akan memikul tanggungjawab untuk “tempat-tempat perlindungan” wanita, kanak-kanak dan lelaki sejak 31 Mac 2011.

Pada tahun 2010, 206 wanita asing, 172 lelaki asing, dan lima kanak-kanak asing telah disahkan sebagai mangsa pemerdagangan dan ditahan di fasiliti kerajaan. Kerajaan melaporkan bahawa pihak berkuasa telah mengenal pasti tujuh mangsa pemerdagangan yang terdiri daripada rakyat Malaysia, tetapi tidak berkongsi maklumat tentang kes-kes ini. Walaupun kerajaan melaporkan bahawa ia menggalakkan mangsa untuk membantu dalam proses pendakwaan terhadap pedagang manusia, ia tidak menyediakan sebarang alternatif bagi repatriasi untuk mangsa-mangsa yang mungkin menghadapi kemudaratan atau hukuman setelah kembali ke negara asal mereka. Ia juga tidak memberikan sebarang insentif kepada mangsa untuk memberi kerjasama dalam proses pendakwaan terhadap pedagang mereka, seperti permit kerja atau visa tinggal yang dilanjutkan. Mangsa dihantar pulang sebaik sahaja pendakwa berpuas hati dengan keterangan mereka. Terdapat laporan bahawa satu kumpulan lelaki yang menjadi mangsa pemerdagangan ditahan di fasiliti kerajaan selama 11 bulan. Prosedur siasatan yang tidak memuaskan tidak mengambil kira kepentingan mangsa, seperti yang berlaku di bawah sistem sekarang, mangsa mungkin diminta untuk menceritakan pengalaman pemerdagangan mereka kepada pegawai yang berlainan sehingga tujuh kali. Dalam prosiding perbicaraan, pihak berkuasa tidak melakukan usaha yang mencukupi untuk memisahkan mangsa daripada pedagang manusia atau ejen-ejen pengambilan pekerja mereka, yang mungkin menyebabkan ancaman atau tekanan yang dikenakan ke atas mangsa dan keluarga mereka jika mereka bekerjasama dengan pihak polis dan pendakwa. Beberapa NGO yang menyediakan perkhidmatan yang menyeluruh kepada mangsa melaporkan bahawa mereka tidak lagi

merujuk kes kepada polis, kerana ia adalah jelas dengan berbuat demikian telah menjejaskan kebajikan mangsa. Selain itu, merujuk mangsa kepada pihak berkuasa membawa kepada pemindahan jagaan kepada fasiliti kerajaan, di mana NGO dilaporkan dihalang daripada membuat hubungan tambahan dengan mangsa.

Tempat perlindungan pemerdagangan NGO menyediakan perkhidmatan yang tidak disediakan oleh “tempat perlindungan” kerajaan, dan kerajaan tidak memberi bantuan kewangan kepada NGO yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Selain itu, kerajaan mewajibkan semua mangsa yang dikenal pasti dihadkan untuk berada di dalam “tempat perlindungan” kerajaan. Undang-undang anti pemerdagangan memberikan imuniti kepada mangsa pemerdagangan bagi kesalahan imigresen seperti masuk secara haram, kehadiran yang menyalahi undang-undang, dan memiliki dokumen perjalanan palsu, tetapi mangsa terus ditahan dan dihantar pulang, sama seperti layanan kerajaan terhadap pesalah-pesalah imigresen haram. Jabatan Peguam Negara dilaporkan telah mewujudkan prosedur operasi standard bagi mengenal pasti dan pemproses mangsa yang disyaki, tetapi tidak berkongsi prosedur ini dengan organisasi luar kerajaan. Pihak kerajaan tidak membina atau melaksanakan prosedur formal untuk mengenal pasti secara proaktif mangsa pemerdagangan buruh. Seseengah mangsa yang tidak dikenali sering kali dilayan sebagai pendatang haram dan ditahan di penjara atau pusat tahanan pendatang haram sebelum dihantar pulang. RELA terus berkhidmat sebagai pasukan keselamatan di fasiliti-fasiliti tahanan imigresen dan sebagai sukarelawan dalam serbuan rambang untuk mengenalpasti pendatang haram, seseengah daripada mereka dilaporkan menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Beberapa kedutaan asing melaporkan bahawa mereka kadang-kadang tidak dimaklumkan oleh pihak berkuasa Malaysia tentang kewujudan warganegara mereka di pusat perlindungan mangsa pemerdagangan, dan pihak berkuasa Malaysia kadang-kadang tidak membenarkan perwakilan-perwakilan diplomatik berjumpa dengan warganegara mereka yang dikenalpasti kedudukannya.

Pencegahan

Kerajaan Malaysia meneruskan usaha-usaha untuk membanteras pemerdagangan manusia dalam tempoh laporan ini. Pihak Berkuasa meningkat kerjasama dengan NGO bagi membincangkan cara penambahbaikan langkah-langkah pencegahan pemerdagangan manusia mereka. Sebagai contoh, pada bulan Januari 2011, negeri Selangor telah mewujudkan majlis anti-pemerdagangan peringkat negeri yang dikendalikan oleh ramai pemimpin dari kalangan masyarakat NGO. Kemasukan beberapa NGO dalam Majlis Antipemerdagangan Orang Kebangsaan (MAPO) telah banyak meningkatkan dialog antara kerajaan dan komuniti badan bukan kerajaan mengenai isu-isu pemerdagangan manusia. Pada November 2010, pindaan kepada undang-undang anti-pemerdagangan memasukkan Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia sebagai agensi penguatkuasa. Kementerian Sumber Manusia melaporkan bahawa ia kini mewajibkan pembantu rumah asing dan majikan mereka menghadiri seminar wajib setengah hari mengenai hak-hak pekerja dan menerima risalah mengenai hak-hak tersebut sebelum memulakan pekerjaan. Kementerian juga melaporkan bahawa sebahagian

daripada gaji pembantu rumah mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama pekerja untuk menyediakan rekod pembayaran dan membantu dalam penyelesaian banyak pertikaian pekerja berdasarkan dakwaan gaji tidak dibayar. Kementerian Dalam Negeri dilaporkan menyiasat 277 syarikat pengambilan pekerja luar yang mengambil pekerja asing ke Malaysia dan meletakkan 42 syarikat pada senarai pantau kerana terlibat dalam aktiviti yang mencurigakan, seperti menggunakan dokumen palsu atau penyenaraian majikan palsu. Kerajaan meneruskan kempen kesedaran awam tentang anti-pemerdagangan manusia di media cetak, radio, dan televisyen. Kementerian Wanita terus mengeluarkan risalah mengenai penunjuk-penunjuk pemerdagangan, yang diedarkan di pintu masuk sempadan Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) juga mengedarkan risalah yang sama. Pada tahun laporan, kerajaan sekali lagi gagal untuk meminda atau menggantikan MOU tahun 2006 dengan kerajaan Indonesia yang meliputi pengambilan pembantu rumah Indonesia di Malaysia - yang membenarkan majikan Malaysia untuk merampas dan memegang pasport pembantu rumah dan tidak membuat standard asas - walaupun Malaysia dan Indonesia telah menandatangani surat LOI. Kerajaan meneruskan dari segi amalan untuk membolehkan perampasan pasport pekerja asing oleh majikan, dan tidak mendakwa mana-mana majikan yang merampas pasport atau dokumen perjalanan pekerja asing atau membataskan mereka kepada tempat kerja. Sementara pihak berkuasa meneruskan latihan-latihan anti-pemerdagangan untuk pegawai yang bertanggungjawab memerangi pemerdagangan, termasuk latihan yang dijalankan melalui kerjasama dengan penderma asing, organisasi antarabangsa, dan NGO, kekurangan pemahaman tentang pemerdagangan manusia oleh ramai pegawai barisan hadapan Malaysia, seperti polis dan imigresen, terus menghalang pengenalpastian dan penyiasatan yang betul tentang kes-kes pemerdagangan dan pengenalpastian dan bantuan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan manusia. Kerajaan memberikan \$64,500 dana kepada satu kumpulan yang terdiri daripada 125 wanita untuk menggalakkan program pembinaan keupayaan dan kesedaran yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia. Kerajaan tidak mengambil langkah untuk mengurangkan permintaan terhadap buruh paksa atau seks komersial. Kerajaan menyediakan latihan anti-pemerdagangan kepada tentera Malaysia sebelum mereka dihantar ke luar negara dalam misi pengaman antarabangsa.